

Mahathir tegur dokter enggan sentuh pesakit

UM 26 FEB 1985

KUALA LUMPUR 25 Feb. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap setengah-setengah doktor muda yang mengguna buntut pensil untuk menyentuh pesakit kerana percaya kononnya Islam menegah mereka menyentuh dengan tangan.

Perdana Menteri mahukan sikap seumpama dikikiskan kerana ia adalah bertentangan dengan profesion perubatan dan agama Islam.

"Seseorang doktor sepatutnya mengutamakan pesakit dan soal sama ada ia akan masuk syurga atau tidak bukan disebabkan layanan yang diberikan kepada pesakit.

"Kalau mereka tidak mahu menyentuh pesakit, lebih baik mereka mengundurkan diri dari bekerja sebagai doktor kerana kerja doktor mengharuskan mereka merapatkan diri dengan pesakit," tegas beliau.

Berucap merasmikan pembukaan Pusat Pakar Tawakal di Jalan Pahang di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, salah satu daripada panduan dan asas-asas menjadi doktor ialah mereka perlu menyentuh pesakit bagi menimbulkan rasa-keyakinan semasa merawat.

Perdana Menteri berkata, beliau tertarik dengan perkembangan tersebut sewaktu membaca suatu laporan akhbar yang menyatakan bahawa terdapat doktor-doktor muda yang tidak mahu menyentuh pesakit dan sebaliknya melakukan pemeriksaan ke atas pesakit dengan menggunakan buntut pensil.

Katanya, doktor-doktor berkenaan mempunyai anggapan kononnya haram bagi mereka menyentuh pesakit.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga seorang doktor menegaskan bahawa seseorang doktor sepatutnya mengutamakan pesakitnya dan bukan bertindak sesuka hati.

"Pada saya, orang-orang berkenaan bukan lagi seorang doktor. Saya berharap anggapan yang mereka percayai itu tidak akan menular kerana ia adalah bertentangan dengan agama Islam," katanya.

Menurutnya, dalam akhbar yang sama di mana beliau membaca laporan tentang perkara tersebut, beliau juga terbaca mengenai peristiwa anggota-anggota tentera Islam yang cedera dalam Perang Uhud dulu dirawat oleh golongan wanita.

"Tetapi yang anehnya, di zaman moden ini ada doktor yang tidak mahu sentuh pesakit," katanya.

Beliau menambah, salah satu panduan menjadi doktor ialah "bila kita letak tangan ke atas badan pesakit, pesakit itu akan merasa lebih yakin seperti sewaktu kita kecil-kecil dulu kita akan merasa lega apabila emak kita meletakkan tangannya ke atas dahi kita semasa kita sakit."

Menurut Perdana Menteri, ini adalah satu fenomena psikologikal dan aspek perubatan-yang-biasa

LHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Mahathir tegur doktor enggan sentuh pesakit

UM 26 FEB 1985

"Saya harap sifat yang bertentangan dengan amalan biasa ini akan dapat dikikis daripada kalangan para doktor muda di negara ini," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri yang diiringi oleh isterinya, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali kemudian telah dibawa melawat sekitar bangunan Pusat Pakar tersebut. Turut hadir ialah Menteri Kesihatan, Datuk Chin Hon Ngian. Pusat Pakar Tawakal ditubuhkan pada bulan Jun

tahun lalu oleh beberapa orang doktor yang sebelum ini berkhidmat di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Pusat berharga \$16 juta itu kini mempunyai 150 katil dan menawarkan perkhidmatan pakar dalam beberapa bidang perubatan termasuk unit jantung, ortopedik, radiologi, neurologi, pathologi dan pembedahan.

Menurut jurucakapnya, perancangan ini sedang disiapkan untuk memperluaskan perkhidmatannya bagi meliputi bidang perbidanan.